



## **KENYATAAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

#### **LAWATAN YB MENTERI SUMBER MANUSIA KE PENGINAPAN BERPUSAT PEKERJA ASING, MANTIN NEGERI SEMBILAN**

Mantin, 18 Mei 2017 – YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia telah mengadakan lawatan ke Penginapan Berpusat Pekerja Asing, Mantin Negeri Sembilan bagi melihat pelaksanaan inisiatif terbaru yang diwujudkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Isu penginapan merupakan isu utama di mana Malaysia dianggap mempunyai elemen buruh paksa kerana ketiadaan standard minimum penginapan pekerja asing yang perlu dipatuhi oleh majikan yang menggajikan mereka.

Isu ini juga merupakan salah satu perkara yang dibincangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKKA-PATI) yang dianggotai oleh kementerian dan agensi yang terlibat dengan pengurusan pekerja asing. Pada 19 Januari 2015, mesyuarat JKKKA-PATI telah bersetuju agar majikan menyediakan penginapan dan kemudahan asas bagi pekerja asing yang digajikan mengikut standard-standard minimum penginapan yang ditetapkan. Keperluan ini merupakan salah satu pra-syarat kelulusan bagi permohonan pekerja asing.

Sehubungan itu, Garis Panduan Standard Minimum Penginapan Pekerja Asing telah dirangka dan dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) pada 1 Januari 2016 yang bertujuan untuk memberikan satu standard keperluan minimum penginapan pekerja asing. Objektif utama garis panduan ini diwujudkan adalah untuk memperuntukkan standard-standard minimum penginapan untuk pekerja asing, menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja asing, mengekalkan ketenteraman dan keharmonian sosial di kalangan masyarakat dan mematuhi standard antarabangsa berhubung pengurusan pekerja asing.

Majikan diberikan pilihan sama ada membina sendiri atau menempatkan pekerja asing di penempatan berpusat yang telah diperakukan oleh JTKSM. Di samping itu, majikan juga dibenarkan untuk menyewa penginapan dan memastikan penginapan tersebut tidak bercampur dengan kediaman warganegara tempatan.

Pada 12 Mei 2016 pula, mesyuarat JKKPA-PATI kali ke 15 Bil.1/2016 telah membuat keputusan untuk memberi kebenaran kepada syarikat swasta bertindak sebagai Penyedia Penginapan Berpusat tertakluk kepada pematuhan standard minimum yang telah ditetapkan dan perlu membuat permohonan Perakuan melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

Penginapan berpusat ini merupakan idea baru yang digunakan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam membantu majikan menempatkan pekerja asing mereka. Tujuan penginapan berpusat ini adalah untuk meminimumkan masalah sosial, kebersihan dan keselamatan di kalangan pekerja asing.

Penginapan berpusat ini boleh dijadikan contoh kepada syarikat swasta yang ingin menyediakan perkhidmatan sama dan menggalakkan majikan menempatkan pekerja-pekerja mereka di Penginapan Berpusat Pekerja Asing yang telah diperakui oleh JTKSM.

Bagi syarikat swasta yang berhasrat untuk menyediakan perkhidmatan seumpama ini, permohonan boleh diajukan kepada JTKSM. Permohonan perlu mematuhi syarat-syarat di dalam Garis Panduan Penetapan Standard Minimum Penginapan Berpusat Pekerja Asing dan syarat-syarat lain yang akan dikemukakan oleh JTKSM dari semasa ke semasa. Sehingga 18 Mei 2017, terdapat 8 tempat penginapan berpusat telah diperakukan oleh JTKSM.

Garis panduan ini bersifat sementara dan KSM sedang dalam proses akhir menyediakan Rang Undang-undang Akta Penginapan Pekerja. Ianya selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperluaskan skop Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) ke sektor-sektor lain dengan memasukkan syarat-syarat yang terkandung di dalam Garis Panduan Penetapan Standard Minimum Penginapan Pekerja untuk dijadikan undang-undang.

###

**Dikeluarkan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sumber Manusia  
18 Mei 2017**